

Oktober/November 1990

RAK 132 Pengantar Alam Bina

Masa : (3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan. Kedua-dua soalan Bahagian A adalah wajib. Jawab TIGA soalan daripada Bahagian B. Semua soalan mempunyai pecahan markah yang sama.

Bahagian A (jawab kedua-dua soalan)

Soalan-soalan ini adalah khusus diasaskan kepada kuliah/nota/bacaan modul Kajian Perilaku-Persekitaran dan perlu dijawab mengikut pendapat atau aliran pemikiran yang tertumpu.

1. Kajian perilaku-persekitaran ialah salah satu kepentingan yang diutamakan dalam pendekatan kepada rekabentuk yang peka kepada keadaan-keadaan tamadun, sosial, ekonomi dan politik persekitaran. Bincangkan apa yang difahami daripada pendekatan ini dan bagaimana ia membantu matlamat dan perancangan rekabentuk.  
( 20 markah )
  
2. Huraikan empat (4) daripada pendekatan (terms) yang digunakan dalam perbincangan-perbincangan keadaan perilaku (behaviour settings) yang disenaraikan di bawah:
  - 1) Kumpulan pengguna (user group)
  - 2) Antropometrik (antropometrics)
  - 3) "Proxemics"
  - 4) Ruang peribadi (personal space)
  - 5) Kewilayahan (territoriality)
  - 6) Ruang terkawal (defensible space)
  - 7) Kognisi persekitaran (environmental cognition)
  - 8) Keimajanan bangunan (building imagery)

( 20 markah )

...2/-

Bahagian B (jawab tiga (3) soalan sahaja)

3. Bincangkan secara ringkas pihak-pihak yang terlibat (participants) dan peranan yang mereka mainkan dalam industri bangunan.  
( 20 markah )
  
4. "Ruang tidak mungkin wujud dalam pengasingan. Ia pasti akan berkaitan antara satu sama lain di dalam satu rangkaian yang bersinambungan". Bincangkan pendapat ini dari kaedah perancangan dan rekabentuk tapak.  
( 20 markah )
  
5. Bincangkan kelima-lima peringkat umum yang digunakan sebagai asas kepada proses rekabentuk.  
( 20 markah )
  
6. Huraikan teknik-teknik rekabentuk bangunan yang mengambil kira faktor iklim. Huraian ini mestilah dibantu oleh lakaran-lakaran tertentu.  
( 20 markah )
  
7. Berdasarkan kepada Bentuk, Fungsi, Teknologi, Seni dan Masyarakat, bincangkan dengan ringkas perubahan-perubahan utama di dalam teknik pembinaan dan bentuk-bentuk bangunan turun-temurun.  
( 20 markah )

- oooOOooo -